



UCAPAN
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA
SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN YAB PERDANA MENTERI
BERSAMA WARGA JABATAN PERDANA MENTERI
JANUARI 2016

11 JANUARI 2016, 8.15 PAGI

DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Menteri-menteri,

Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara,

Warga JPM yang saya hormati sekalian,

Alhamdulillah pada pagi ini kita dapat mengadakan Perhimpunan Bulanan JPM buat kali pertama bagi tahun 2016.

Amat wajar saya menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru dan Selamat menjalankan tugas.

Kini sudah sampai tika di mana kita mesti memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada tugas, kewajipan dan tanggungjawab untuk menjalankan apa sahaja yang diamanahkan supaya negara kita yang tercinta akan terus dapat kita kemudikan walau pun lautannya yang akan kita lalui ini dijangka dalam keadaan yang lebih menduga dan lebih mencabar pada tahun ini.

Jika kita menyingkap kembali pada tahun lalu, walau pun tahun 2015 juga merupakan tahun yang mencabar tetapi kita mampu mencapai kejayaan-kejayaan tertentu yang boleh kita banggakan.

Antaranya negara kita telah menjadi hos kepada *ASEAN Summit and Related Summits* dan *East Asia Summit* di mana telah berjaya meningkatkan profail Malaysia di arena persada antarabangsa. Selain itu, negara kita juga telah berjaya menjadi anggota Majlis keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan UNESCO.

Negara juga telah dapat menentukan tahap pencapaian ekonomi dalam tempoh 9 bulan dan secara rasminya, negara telah mencapai pertumbuhan sebanyak 5.1%, kadar inflasi masih rendah.

Tahun lalu juga, negara telah memperkenalkan dan melaksanakan *Goods and Service Taxes* (GST) sebagai cukai baharu bagi menggantikan cukai *Sales and Service Taxes* (SST). Ini dilakukan sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan keadaan kewangan negara supaya lebih stabil dan kukuh.

Negara juga telah mendapat penarafan yang lebih baik menerusi *World Economic Forum* iaitu daripada kalangan 144 buah negara di seluruh dunia, negara muncul daripada tempat ke 18 naik pada tempat ke 20. Selain itu, Fitch juga telah mengubah ratingnya kepada stabil. Ini semua merupakan kejayaan-kejayaan yang boleh kita banggakan.

Mengenai 1MDB pula, sebagaimana yang telah saya janjikan penyelesaiannya dalam tempoh 6 bulan kepada rakyat, kini telah nampak penyelesaiannya malah kita bangga penyelesaiannya adalah bukan dalam bentuk MoU tetapi *agreement* yang ditandatangani dan lebih mustahaknya tidak menggunakan dana rakyat sama sekali.

Negara kita pada ketika ini sedang berhadapan dengan keadaan yang cukup mencabar dan soal ekonomi merupakan soal utama berlegar dalam minda kita semua termasuk rakyat. Soal ekonomi negara kita, sudah tentu terdapat banyak faktor yang di luar daripada kawalan dan ia sama sekali tidak mampu dipengaruhi oleh negara Malaysia.

Penyusutan ketara harga minyak yang menjunam daripada lebih kurang USD100 se tong kepada USD32 – USD33 setong sudah tentu telah memberi kesan kepada sebuah negara pengeluar minyak seperti negara kita. Kesan daripada ini telah saya umumkan dalam bajet iaitu berlaku kekurangan hasil negara sebanyak 30 billion. Walau bagaimanapun ketika pembentangan bajet itu, kita meletakkan paras USD48 namun kini ia sudah terus menjunam kepada USD32 – USD33 dan sudah tentu kita perlu membuat *recalibrate* kepada Bajet 2016.

Saya juga telah menerangkan kepada *Federal Reserve* di Amerika Syarikat bagaimana tindakan untuk *normalize* kadar faedah di Amerika Syarikat hingga menjadikan Dollar Amerika lebih kukuh berbanding Dollar seluruh dunia ataupun nilai ringgit ataupun nilai mata wang seluruh dunia dan ia juga menyebabkan aliran kewangan *capital outflows* daripada *emerging market* ke Amerika Syarikat.

Kesan kelembapan ekonomi di negara China apabila mengalami penguncupan atau kurang perkembangan ekonomi juga memberi kesan kepada ekonomi negara kita. Misalnya, jika negara China kurang membeli kereta baharu maka kurang pembelian tayar seterusnya mengakibatkan pengurangan harga getah atau pun pengeluaran getah. Itulah antara kesan-kesan mesti difahami oleh semua rakyat Malaysia bahawa ia bukan

disebabkan daripada kesilapan atau kelemahan kita di Malaysia tetapi daripada faktor-faktor yang di luar dari kawalan kita.

Oleh kerana itu, apabila kita memasuki tahun 2016, kita mesti memberi tumpuan kepada perkara yang boleh kita lakukan bukan sahaja sebagai sebuah negara tetapi juga sebagai sebuah kerajaan dan sebagai sebuah pentadbiran.

Saya ingin melihat pelaksanaan **dua perkara** iaitu pertama kita mesti **mengoptimalkan perbelanjaan** yang mana ia bukanlah bermaksud sebagai satu langkah *austerity* dengan memotong atau mengurangkan perbelanjaan tetapi bagaimana setiap ringgit yang ingin kita belanjakan boleh mendatangkan hasil atau pun kesan paling besar.

Kedua ialah bagaimana kita boleh **menggunakan daya fikiran** kita supaya lebih kreatif dan inovatif bagi **meningkatkan lagi produktiviti**. Produktiviti yang dimaksudkan adalah bagaimana kita boleh menambahkan usaha yang bukan dengan erti kata kita perlu berkerja keras atau menambah lagi waktu bekerja tetapi menggunakan minda kita untuk berfikir secara inovatif dan kreatif serta mencari penyelesaian.

Selain itu, kita juga perlu melihat kepada kemampuan pelaksanaan kita atau *our ability to implement*. Kita perlu lihat semula kemungkinan terdapat kelemahan, kekurangan, kelambatan, *red tape* atau sebagainya. Justeru itu, saya bercadang untuk menubuhkan satu kumpulan kecil terdiri daripada saya sendiri bersama-sama Timbalan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan turut menjemput Kementerian dan agensi-agensi berkaitan.

Ia bertujuan untuk mengenal pasti punca dan menyelesaikan perkara yang menyebabkan sesuatu projek itu berlaku kelewatan. Proses pelaksanaan projek perlu dilihat semula sekiranya ia menyukarkan dan melambatkan. Saya meminta supaya pihak ICU menjadi sekretariat untuk mengenal pasti di mana tempat tertentu yang boleh kita beri tumpuan.

Bagi melaksanakan ini, kita mesti kembali kepada tema yang utama iaitu Rakyat Didahulukan yakni *people economic*. Rakyat mengharapkan bahawa semua projek/program dapat dilaksanakan walau pun rakyat faham keadaan adalah di luar kawalan (*external factors*) dan ia tidak boleh dikawal namun begitu apa yang kita boleh lakukan adalah mesti memberi tumpuan sepenuhnya. Mudah-mudahan dengan kerjasama antara sesama kita akan terus ditingkatkan.

Persoalan yang berbangkit dan diwar-warkan pada pertengahan tahun lalu, Alhamdulillah telah terjawab segalanya. Kerajaan yang ada pada hari ini terbukti mendapat sokongan di Dewan Parlimen apabila bajet telah diberi sokongan dengan majoriti yang menyakinkan.

Dengan memasuki tahun 2016, kita tidak perlu lagi persoalkan perkara-perkara seperti ini sebagaimana kata-kata *Let Us Move On*. Agenda kita besar iaitu agenda untuk negara, agenda untuk rakyat dan agenda untuk kesejahteraan bersama. Kita mesti mengukuhkan lagi perpaduan.

Tema kita 1Malaysia, *Nation Building* mesti berjalan. Isu sensitif mesti cuba diselesaikan dengan mencari jalan penyelesaian supaya ia tidak dibiarkan hingga menjadi suatu 'duri dalam daging' yang boleh menyebabkan masalah dari segi keselamatan ataupun dari segi hubungan kaum.

Kita bersyukur dan berterima kasih kepada pasukan keselamatan kerana pada tahun lalu tiada kejadian keganasan di dalam negara sama sekali. Ini satu kebanggaan kerana tiada rakyat Malaysia dalam negara kita telah terkorban. Walaupun kita sedih apabila seorang rakyat Malaysia telah dibunuh dengan kejam di Filipina Selatan namun melalui tindakan kita di dalam negara tidak berlaku apa-apa. Jangan fikir bahawa ini berlaku dengan sendirinya tetapi ia berlaku kerana kesungguhan dan ketegasan kita.

Inilah yang ingin saya sebutkan bahawa soal keselamatan dan soal kesejahteraan negara dan rakyat kita adalah tanggungjawab saya sebagai Perdana Menteri juga tanggungjawab kita bersama. Kita tidak akan lari daripada tanggungjawab waima apa jua orang kata kita letakkan rakyat Malaysia yang mesti kita dahulukan. Teruskan perjuangan kita.

Terima kasih.

11 Januari 2015